

Perkembangan Muzik Popular di Malaysia: Satu Tinjauan Sejarah Tahun 1900-1969

Raja Iskandar Bin Raja Halid
Universiti Malaysia Kelantan



DR RAJA ISKANDAR (Malaysia)

merupakan seorang etnomuzikologis dan kini bertugas sebagai pensyarah kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau memperolehi ijazah Sarjana Muda dalam bidang Muzik dari ASWARA, Sarjana Muda Seni Gunaan (Teknologi Muzik) dan Sarjana (Etnomuzikologi) dari Universiti Malaysia Sarawak, dan Ijazah Kedoktoran (Etnomuzikologi) dari King's College London.

Abstrak

Muzik, seperti juga kesenian lain, tidak statik tetapi dinamik sifatnya. Ia berubah dan berkembang selari dengan peredaran masa. Industri muzik dan hiburan Malaysia juga telah melalui proses perubahan hasil daripada aktiviti penghijrahan, kemajuan teknologi, urbanisasi dan penjajahan. Dari perkembangan Bangsawan di Pulau Pinang, industri filem di Singapura sehingga ke era Pop Yeh Yeh, muzik yang diwarisi sekarang adalah hasil daripada proses pertembungan dan asimilasi pelbagai budaya yang berlaku sejak berdekad lamanya. Peningkatan ekonomi telah menyaksikan munculnya pusat-pusat hiburan serta pengaruh muzik dan budaya Barat yang semakin diterima masyarakat Melayu, terutamanya di bandar-bandar. Ramai pemuzik, komposer dan penggubah dari rantau ini mula berhijrah untuk mengisi keperluan di dalam industri kreatif yang semakin berkembang. Ini telah membawa kepada perubahan citarasa serta proses pencarian identiti muzik Melayu dan Malaysia keseluruhannya. Kertas kerja ini cuba melihat perkembangan muzik Melayu yang berlatarbelakangkan dinamika sosial, ekonomi dan politik dari awal kurun ke-20 sehingga penghujung tahun 1960-an.

Kata kunci: Muzik Popular, Malaysia, Sejarah, Industri Hiburan

Pengenalan

Muzik bukan sekadar hiburan malah mampu berfungsi sebagai alat berkomunikasi yang berkesan, menyatukan masyarakat serta simbol identiti sesebuah negara,